

## Akaun 360 OCBC

### Terma dan Syarat

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

#### 1. Akaun 360

1.1. OCBC Bank (Malaysia) Berhad No. Syarikat 199401009721 (295400-W) ("OCBC Bank") menawarkan "Akaun 360 OCBC", akaun simpanan yang memberi ganjaran kepada anda apabila anda memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah.

#### 2. Kelayakan

2.1. Individu yang layak dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak".

2.2. Akaun 360 OCBC terbuka kepada:

- (a) individu yang berumur 18 tahun ke atas, permastutin Malaysia, permastutin tetap dan bukan permastutin kecuali daripada negara-negara yang tidak diterima oleh OCBC Bank; dan
- (b) Individu yang berada dalam keadaan yang baik terhadap operasi akaun mereka mengikut budi bicara mutlak OCBC Bank.

#### 3. Ciri-ciri dan Kondisi

3.1	Deposit Permulaan Minimum	Deposit permulaan minimum bagi Akaun 360 OCBC adalah RM500. Baki minimum untuk mengekalkan akaun adalah RM20. Akaun yang tidak berbaki secara berterusan untuk 90 hari akan ditutup. Pihak OCBC Bank akan memberitahu anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum akaun ditutup. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup adalah atas budi bicara mutlak pihak OCBC Bank.
3.2	Faedah Asas	<p>Anda akan mendapat faedah berdasarkan keseluruhan baki akaun pada kadar faedah semasa ("Kadar Lazim") yang diakru secara harian dan dikreditkan ke dalam Akaun 360 OCBC pada akhir bulan ("Faedah Asas"), dibundarkan kepada 2 titik perpuluhan.</p> <p>Kadar Faedah yang dibayar adalah berdasarkan kaedah pengiraan di bawah:</p> $\text{Kadar Faedah Lazim} = \frac{\text{Baki Lejer Harian} \times \text{Kadar Faedah Asas}^1}{365}$ <p><sup>1</sup>Kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Bank. Faedah yang dibayar adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh OCBC Bank. Sebarang perubahan kepada kadar faedah yang diumumkan melalui notis cawangan, laman web OCBC Bank atau di media massa adalah mengikut hak budi bicara OCBC Bank.</p>
3.3	Faedah Bonus	<p>Jika anda memenuhi syarat-syarat untuk kategori "Deposit", "Pembayaran Bil" dan/atau "Perbelanjaan" dalam satu bulan kalender, anda akan memperoleh Faedah Bonus bagi kategori-kategori yang ditepati ke atas baki purata harian akaun sehingga RM100,000 ("Baki Purata Maksimum") untuk bulan kalender tersebut ("Faedah Bonus"). Faedah Bonus dikira pada akhir bulan kalender dalam mana syarat-syarat telah dipenuhi, dan dikreditkan ke dalam Akaun 360 OCBC dalam tempoh 14 hari bekerja (mana-mana hari OCBC Bank dibuka untuk perniagaan, tidak termasuk hari Sabtu, hari Ahad dan cuti umum) pada bulan kalender yang berikutnya. Faedah Bonus dipenggal kepada 2 titik perpuluhan.</p> <p>Faedah Bonus dikira pada setiap akhir bulan mengikut kaedah pengiraan di bawah</p> $\text{Faedah Bonus} = \frac{\text{Baki Purata Harian} \times \text{Kadar Faedah Bonus}^2}{\frac{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}{\text{Bilangan hari dalam setahun}}}$ <p><sup>2</sup>Syarat-syarat untuk memenuhi setiap kategori Faedah Bonus (butiran dalam Klause 4) tidak bergantung pada satu sama lain. Kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Bank.</p>

#### 4. Kelayakan untuk Faedah Bonus

4.1. Anda berkelayakan menerima Faedah Bonus sekiranya anda memenuhi syarat-syarat untuk kategori "Deposit", "Pembayaran Bil" dan/atau "Perbelanjaan" dalam satu bulan kalender mengikut kepuasan OCBC Bank.

##### 4.2. Faedah Bonus Deposit

Anda harus mendeposit RM500 minimum ke dalam Akaun 360 OCBC dalam bulan yang sama untuk layak faedah bonus Deposit. Namun, kadar lazim dan faedah bonus yang dikreditkan ke dalam Akaun 360 OCBC anda tidak layak untuk faedah bonus Deposit.

##### 4.3. Faedah Bonus Pembayaran Bil

Pembayaran sekurangnya 3 Bill harus dibuat melalui Akaun 360 OCBC anda untuk berkelayakan menerima Faedah Bonus Pembayaran Bil. Ini termasuk pembayaran melalui arahan tetap kepada kemudahan pembiayaan perumahan OCBC dan/atau pembayaran runcit melalui Perbankan Internet OCBC kepada

- a) Kemudahan pembiayaan perumahan OCBC/OCBC Al-Amin anda; atau
- b) Sebarang akaun di mana-mana institusi perbankan/kewangan selain daripada OCBC Bank dan OCBC Al-Amin (No. syarikat 200801017151 / 818444-T); atau
- c) Sebarang organisasi pembilan yang mengambil bahagian; atau
- d) Pembiayaan melalui GIRO antara bank/DuitNow yang dibuat melalui Perbankan Internet OCBC, tetapi tidak termasuk sebarang pembayaran melalui platform Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX) / DuitNow QR.

Beberapa pembayaran dalam bulan kalender yang sama yang mempunyai rujukan pedagang/penerima/akaun/organisasi pengebilan yang sama akan dianggap sebagai satu Pembayaran Bil. Sebagai contoh:

- a) Beberapa pembayaran ke akaun pembiayaan fasiliti perumahan OCBC yang sama; atau
- b) Beberapa pembayaran ke Organisasi pembilan yang mengambil bahagian yang sama, kecuali setiap pembayaran itu dikenalpasti secara unik dan dibayar ke beberapa akaun berlainan; atau
- c) Beberapa pembayaran ke akaun yang sama di bank/institusi kewangan yang lain

#### **4.4. Faedah Bonus Perbelanjaan**

Sekurangnya sejumlah RM500 transaksi runcit dicaj dan diposkan kepada kad kredit/debit OCBC anda. **Semua transaksi runcit mesti dipos dalam bulan kalender yang sama untuk diagregat untuk pengiraan.** Sebarang transaksi runcit yang tidak dipos dalam bulan yang sama tidak akan diambil kira (contoh, sekiranya transaksi tersebut dibuat pada 29 Oktober tetapi tarikh transaksi runcit tersebut dipos adalah pada 2 November, transaksi tersebut akan diagregat untuk bulan November dan bukan Oktober). OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan di dalam transmisi atau pengeposan sebarang transaksi runcit kecuali jika kegagalan atau kelewatan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaian atau keingkaran Bank.

Amaun yang dicaj kepada kad kredit/debit OCBC yang tidak termasuk dalam pengiraan transaksi runcit untuk Faedah Bonus Perbelanjaan ini adalah seperti berikut:

- a) Yuran dan caj kad kredit/debit (contohnya yuran tahunan, yuran penggantian, dll);
- b) Pemindahan baki
- c) Jumlah yang ditukar kepada Pelan Bayaran Ansuran atau pelan-pelan serupa yang lain;
- d) Amaun transaksi runcit yang kemudiannya dibatalkan, dimansuhkan atau diterbalikkan pada bila-bila masa dan bagi apa sekalipun alasan; dan

Sebagai ilustrasi:

Jun 2019 – Anda berbelanja RM600 menggunakan kad debit/kredit untuk pembelian online dan layak untuk Bonus Perbelanjaan Jun.

Julai 2019 – Anda berbelanja RM700 menggunakan kad debit/kredit untuk perbelanjaan perjalanan. Tetapi, transaksi pembelian online yang dibuat dalam bulan Jun 2019 berjumlah RM600 telah diterbalikkan dalam bulan Julai 2019. Perbelanjaan bersih bagi bulan Julai adalah RM100. Dengan ini, anda tidak layak untuk Bonus Perbelanjaan bulan Julai.

- e) Lain-lain amaun yang dimaklumkan oleh OCBC Bank dari semasa ke semasa

#### **Kad Kredit**

Semua amaun transaksi runcit yang dicaj dan diposkan kepada kad kredit prinsipal anda (jika berkenaan) kad(-kad) kredit suplementari OCBC Bank dalam bulan kalender yang sama akan diagregat untuk mengira jumlah amaun yang dicaj. Jika Akaun 360 OCBC dibuka atas 2 nama bersama Pelanggan yang Layak atau lebih, maka hanya amaun transaksi runcit yang dicaj dan diposkan kepada kad kredit prinsipal dan suplementari OCBC Bank Pelanggan yang Layak yang menjadi penama utama di dalam borang pembukaan akaun akan diagregat untuk pengiraan. Semua amaun dicaj dan diposkan kepada kad kredit pemegang akaun bersama yang lain tidak akan diambil kira.

Sekiranya kad kredit OCBC Bank anda dibatalkan untuk sebarang sebab, oleh anda atau oleh OCBC Bank, maka kesemua amaun yang dicaj dan dipos di dalam bulan kalender di mana kad kredit dibatalkan (jika ada) tidak akan dikira untuk amaun transaksi runcit. Contohnya, jika Pelanggan yang Layak membatalkan kad kredit OCBC Bank beliau pada 20 Oktober 2019, maka kesemua amaun yang dicaj dan dipos dari 1 Jun 2019 hingga 20 Jun 2019 (jika ada) akan dikecualikan dan tidak akan diambil kira dalam pengiraan Faedah Bonus Perbelanjaan bagi bulan Oktober 2019.

#### **Kad Debit**

Akaun 360 OCBC harus ditag sebagai akaun wang tunai cepat bagi kad debit (kad debit yang disambungkan dengan Akaun 360 OCBC). Semua jumlah transaksi runcit yang dicaj kepada kad debit yang disambungkan kepada Akaun 360 dengan tarikh pos dalam bulan kalender yang sama akan diagregat untuk faedah bonus bulan tersebut. Tarikh transaksi dipos adalah berdasarkan tarikh pos dalam Sistem Kad OCBC dan dianggap muktamad. Sekiranya tarikh pos transaksi kad debit di dalam kenyataan akaun adalah lebih lewat daripada tarikh pos transaksi di dalam Sistem Kad OCBC, tarikh pos dalam Sistem Kad OCBC akan menjadi titik rujukan dan bukannya tarikh pos dalam kenyataan akaun dalam menentukan jumlah transaksi yang akan diagregat dalam pengiraan faedah bonus Perbelanjaan.

### **5. Terma dan Syarat Tambahan**

- 5.1 Bagi mana-mana transaksi atau pembayaran yang kemudiannya dibatalkan, dimansuhkan atau diterbalikkan dalam bulan kalender yang sama, pelarasan yang bersesuaian akan dilakukan. Sekiranya pelarasan tidak dilakukan, OCBC Bank berhak untuk mendebit semula jumlah Faedah Bonus yang telah dikreditkan.
- 5.2 Apa-apa arahan yang diberikan atau diterima oleh Bank melalui perkhidmatan elektronik seperti perbankan internet, perbankan mudah alih dan mesin teler automatik selepas tempoh masa yang berkaitan akan dianggap sebagai arahan yang diberikan dan diterima pada Hari Perniagaan yang berikutnya.
- 5.3. Kadar Lazim dan Faedah Bonus boleh berubah dari semasa ke semasa dan Pelanggan yang Layak boleh melayari laman web OCBC Bank untuk mendapatkan kadar terkini.
- 5.3. Sekiranya, untuk sebarang sebab, anda mempunyai lebih daripada satu Akaun OCBC 360 yang layak untuk Faedah Bonus, hanya SATU akaun akan dibayar Faedah Bonus mengikut a) amaun Faedah Bonus tertinggi; atau b) akaun dengan nombor akaun yang terbesar apabila Faedah Bonus bagi beberapa Akaun OCBC 360 adalah sama. Sementara itu, Akaun OCBC360 yang lain hanya akan memperoleh Faedah Asas dan bukan Faedah Bonus.

## 6. Syarat-syarat Am Lain

- 6.1. Semua terma dan syarat sedia ada yang digunakan untuk produk dan perkhidmatan OCBC Bank yang dirujuk di dalam terma dan syarat ini, termasuk dan tidak terhad kepada terma dan syarat yang digunakan untuk akaun deposit OCBC Bank, kad kredit OCBC Bank, kad debit OCBC Bank, Perbankan Online dan Perbankan Internet OCBC Bank, dsb. akan terus digunakan. Sekiranya terdapat percanggahan, terma dan syarat ini akan digunakan hanya sejauh mana ia mentadbir hak dan obligasi Pelanggan yang Layak di bawah Akaun 360 OCBC.
- 6.2. OCBC Bank boleh, secara munasabah, selepas memberi notis 21 hari kalender, mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, menamatkan atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat. Pihak Bank, secara munasabah dan selepas memberi notice dahuluan boleh mengubah Kadar Faedah Asas dan Kadar Faedah Bonus. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan Bank atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
- 6.3. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam pengawalseliaan dan/atau polisi kewangan oleh Bank Negara, Persatuan Bank-Bank Malaysia, dan mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan, kadar faedah akan disemak semula sewajarnya and kadar yang disemak semula ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tertera dalam notis/pengumuman. Pemberitahuan perubahan ini akan dibuat melalui pengumuman yang dipaparkan di cawangan atau di laman web Bank atau mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 6.4. Rekod dan keputusan OCBC Bank, tertakluk kepada ketiadaan kesalahan nyata berkenaan sebarang perkara berkaitan dengan Akaun 360 OCBC adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua pihak termasuk anda.